

# Ketepi perbezaan jalur politik demi perkasa Kabinet Perpaduan

Oleh Prof Dr P Sivamurugan  
bhrencana@bh.com.my

Pada 2 Disember lalu, lapan hari selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik menjadi Perdana Menteri Ke-10, Jemaah Menteri diumumkan. Keanggotaannya adalah 28 orang selepas berlaku penggabungan dan pemansuhan Kementerian tertentu.

Seramai 27 orang pula dilantik sebagai timbalan menteri, menjadikan jumlah keseluruhan anggota Kabinet adalah 55 orang. Ia kini perlu menjadi satu pasukan memiliki DNA yang sama dengan aspirasi rakyat.

Ia mirip kepada pasukan bola sepak, walaupun ada pemainnya bermain dengan kelab berbeza, tetapi apabila menyarung jersi kebangsaan, mereka perlu 'junjung lencana di dada' atas nama pasukan Kerajaan Perpaduan.

Sebagai pemain politik dalam Kabinet yang tidak pernah diimpikan, kini mereka perlu tidur dalam bilik sama, 'berkongsi mimpi' dan bantal jika berada di atas katilnya.

Mereka juga perlu akur ada kekangan dan keterbatasan demi menghormati sensitiviti walaupun fahaman politik mereka berbeza. Jalannya berliku untuk memeta kepercayaan dan keyakinan, tetapi boleh dipandu dengan keazaman politik tinggi.

Satu identiti sama diperlukan di bawah kepemimpinan Anwar. Identiti ini adalah berdasarkan kepada perbezaan menjadi kekuatan bersama daripada kerencaman fahaman politik.

Integrasi wajar diperincikan walaupun ada asimilasi antara pemilik kerusi majoriti dan minoriti.

Aliran pemikiran boleh menyelusuri 'politik perpaduan' ke arah 'kesepaduan nasional' jika nilai budi dipertahankan.

## Kerajaan bersama atas nama 'rakan kongsi'

Masing-masing boleh menggarap nilai faham, hormat dan terima ini adalah kerajaan bersama atas nama 'rakan kongsi' serta bukan mengikut ketetapan perbezaan jalur politik.

Perkongsi kuasa atas nama 'kepunyaan' boleh menjadi asas kepada fasa pertama ini. Setiap peranan diberikan maksud dan makna untuk kepentingan bersama dan tidak berlumba untuk mendahului parti atau pemimpin serta penyokong taksud.

Nilai ahli politik 'budiman' dengan suluhan ke atas norma budi pekerti, budi bicara, budi bahasa

“Kombinasi ketokohan, kewibawaan, kepakaran, gender, ras, etnik, agama dan sempadan negeri mampu jadikan Kabinet ini memainkan peranan sebaik mungkin untuk berhadapan pembangkang”

dan akal budi membolehkan nilai watan mendahului apa-apa yang songsang daripadanya.

Kombinasi ketokohan, kewibawaan, kepakaran, gender, ras, etnik, agama dan sempadan negeri mampu menjadikan Kabinet ini memainkan peranan sebaik mungkin untuk berhadapan pembangkang.

Sudah pasti kekuatan blok politik perlu dihormati, disamping berdiri teguh di belakang agenda besar Perdana Menteri serta dasar berpotensi membawa nilai sejahtera dan muhibah.

Jika perlu, wajar ada 'Kabinet bayangan' dan ketua pembangkang kekal berstatus Menteri, manakala peruntukan setara diberikan untuk semua jika DNA berteraskan aspirasi rakyat.

Keabsahan Kabinet bukan sekadar kepada undi percaya ke atas Perdana Menteri, bahkan sejauh mana masing-masing boleh mensejahterakan, memperkukuh dan memperkuat nilai kemanusiaan, integriti dan memperkasakan institusi serta struktur sedia ada.

Koordinasi antara kementerian dan agensi berwajib perlu diperkemaskan secara berterusan supaya kumpulan sasar menikmati hasil yang baik. Pengasingan antara eksekutif, legislatif dan kehakiman juga tidak dikompromi.

Prinsip perpaduan, kesaksamaan, demokratik, adil, liberal dan progresif termaktub dalam Rukun Negara boleh menjadi kunci untuk anggota Kabinet menggalas tanggungjawab dengan inklusif.

Mereka perlu sentiasa peka ke atas perubahan dan pembaharuan yang dinamik serta tidak menjejaskan aspirasi untuk menaikkan imej 'politik sederhana' dalam Kabinet perpaduan nasional wajah Malaysia.



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM)



Oleh Dr Nurul Hafizah Mohd Yasin  
bhrencana@bh.com.my

Pandemik COVID-19 menjadikan kebanyakan organisasi bergantung kepada kemudahan digital untuk berhubung dan menyelesaikan tugas kerja. Kebanyakan pekerja pula pada waktu ini mengalami transformasi teknologi pada masa singkat tidak kira peringkat umur.

Kelesuan digital berlaku akibat penggunaan peranti digital secara berpanjangan atau berterusan. Contohnya, penggunaan laptop di tempat kerja dan disambung pula dengan penggunaan telefon pintar di rumah untuk bekerja menyebabkan kesan kepada emosi, mental dan fizikal pekerja.

Tidak dapat dinafikan kebergantungan terhadap peranti digital ini semakin membarah dalam kalangan masyarakat di Malaysia dek keperluan skop pekerjaan masa kini, tetapi kesannya mengakibatkan kelesuan.

Dalam masyarakat, kelesuan dilihat sekadar perkara biasa atas alasan pekerja mengalami stres. Bagaimanapun, kelesuan adalah perkara serius perlu diberi perhatian pekerja dan majikan kerana ia boleh memberi kesan kepada kesihatan mental pekerja jika tidak ditangani dengan berkesan.

Menurut Laporan Kesihatan Pekerja 2022, 58 peratus pekerja di Malaysia menyatakan mereka mengalami kelesuan di tempat kerja dalam tempoh tiga bulan ke belakang.

Jika pekerja mengalami kelesuan, akan mengalami keletihan melampau dan tidak mampu me-

lakukan pekerjaan lain atau tuntutan dalam rumah tangga.

Justeru, bagaimana pekerja mengalami kelesuan digital? Antara puncanya disebabkan kerja tiada penghujung. Pandemik COVID-19 mengajar menyebabkan kehidupan manusia kini tanpa sempadan termasuk dalam aspek pekerjaan.

## Tak hormati privasi pekerja

Kehidupan dan pekerjaan kini seolah-olah tiada sempadan. Segelintir majikan tidak menghormati waktu privasi pekerja selepas waktu kerja kerana kekangan masa dengan alasan tuntutan kerja perlu disejajarkan.

Tidak dinafikan majikan masih menghantar mesej membincangkan hal kerja walaupun selepas waktu kerja sehingga ramai di antara pekerja tidak boleh berpisah dengan telefon pintar.

Bagaimanapun, kajian menunjukkan kehadiran telefon, walaupun dimatikan, sudah cukup untuk menghalang prestasi kerja. Menurut kajian University of Texas di Austin mendapati penurunan prestasi sebanyak 10 peratus apabila pengguna telefon pintar mempunyai telefon mereka dalam jarak dekat ketika menjalankan tugas.

Kelesuan digital juga berlaku apabila pekerja berfikir mengenai kerja tanpa henti. Mungkin tidak disedari, cara kita bekerja adalah tidak selaras dengan keperluan biologi otak dan badan kita.

Tuntutan digital tidak henti-henti, tuntutan tugas mendesak, gangguan berterusan digital dan sebaliknya menuntut sumber otak kita menyimpan maklumat lebih besar tanpa henti.

Sesetengah pekerja perlu melakukan panggilan

virtual, menyemak e-mel secara serentak dan membalas maklumat pada telefon pintar mereka.

Keadaan ini boleh mengurangkan bekalan glukosa di dalam otak, menyebabkan mereka berasa letih dan lesu. Ia meningkatkan tahap kortisol (hormon tekanan) dan memberi kesan negatif kepada keupayaan mereka untuk menerima dan menghantar maklumat.

Memandangkan terdapat organisasi mengamalkan peraturan kerja lebih fleksibel dan pendekatan hibrid untuk bekerja, penggunaan peranti digital untuk berhubung tanpa batasan terus diperlukan dan perlu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Namun, penting bagi organisasi membantu pekerja mereka membangunkan tingkah laku dan tabiat digital sihat dan mampan ke arah kesejahteraan mental serta fizikal.

Penyelesaian dua hala perlu dibuat antara majikan dan pekerja untuk meningkatkan produktiviti organisasi. Majikan perlu menghormati sempadan masa, manakala pekerja pula perlu memanfaatkan masa kerja dengan menyelesaikan tugas diberi tepat pada masa.

Kawalan sendiri antara inisiatif boleh dipraktikkan untuk mengurangkan kesan negatif kelesuan digital. Ketagihan pada media sosial juga perlu dikurangkan sekiranya tuntutan kerja memerlukan kebergantungan kepada peranti digital.

Pekerja perlu menghadkan penggunaan peranti digital untuk mendapatkan rehat yang cukup ke arah kesejahteraan mental dan fizikal. Jadikan teknologi digital sebagai manfaat untuk kemudahan semua bukan sebagai sumpahan menekan individu dalam organisasi.

## Usah biar kelesuan digital jejas kualiti hidup



Oleh Dr Nurul Hafizah Mohd Yasin  
bhrencana@bh.com.my

Pandemik COVID-19 menjadikan kebanyakan organisasi bergantung kepada kemudahan digital untuk berhubung dan menyelesaikan tugas kerja. Kebanyakan pekerja pula pada waktu ini mengalami transformasi teknologi pada masa singkat tidak kira peringkat umur.

Kelesuan digital berlaku akibat penggunaan peranti digital secara berpanjangan atau berterusan. Contohnya, penggunaan laptop di tempat kerja dan disambung pula dengan penggunaan telefon pintar di rumah untuk bekerja menyebabkan kesan kepada emosi, mental dan fizikal pekerja.

Tidak dapat dinafikan kebergantungan terhadap peranti digital ini semakin membarah dalam kalangan masyarakat di Malaysia dek keperluan skop pekerjaan masa kini, tetapi kesannya mengakibatkan kelesuan.

Dalam masyarakat, kelesuan dilihat sekadar perkara biasa atas alasan pekerja mengalami stres. Bagaimanapun, kelesuan adalah perkara serius perlu diberi perhatian pekerja dan majikan kerana ia boleh memberi kesan kepada kesihatan mental pekerja jika tidak ditangani dengan berkesan.

Menurut Laporan Kesihatan Pekerja 2022, 58 peratus pekerja di Malaysia menyatakan mereka mengalami kelesuan di tempat kerja dalam tempoh tiga bulan ke belakang.

Jika pekerja mengalami kelesuan, akan mengalami keletihan melampau dan tidak mampu me-

lakukan pekerjaan lain atau tuntutan dalam rumah tangga.

Justeru, bagaimana pekerja mengalami kelesuan digital? Antara puncanya disebabkan kerja tiada penghujung. Pandemik COVID-19 mengajar menyebabkan kehidupan manusia kini tanpa sempadan termasuk dalam aspek pekerjaan.

## Tak hormati privasi pekerja

Kehidupan dan pekerjaan kini seolah-olah tiada sempadan. Segelintir majikan tidak menghormati waktu privasi pekerja selepas waktu kerja kerana kekangan masa dengan alasan tuntutan kerja perlu disejajarkan.

Tidak dinafikan majikan masih menghantar mesej membincangkan hal kerja walaupun selepas waktu kerja sehingga ramai di antara pekerja tidak boleh berpisah dengan telefon pintar.

Bagaimanapun, kajian menunjukkan kehadiran telefon, walaupun dimatikan, sudah cukup untuk menghalang prestasi kerja. Menurut kajian University of Texas di Austin mendapati penurunan prestasi sebanyak 10 peratus apabila pengguna telefon pintar mempunyai telefon mereka dalam jarak dekat ketika menjalankan tugas.

Kelesuan digital juga berlaku apabila pekerja berfikir mengenai kerja tanpa henti. Mungkin tidak disedari, cara kita bekerja adalah tidak selaras dengan keperluan biologi otak dan badan kita.

Tuntutan digital tidak henti-henti, tuntutan tugas mendesak, gangguan berterusan digital dan sebaliknya menuntut sumber otak kita menyimpan maklumat lebih besar tanpa henti.

Sesetengah pekerja perlu melakukan panggilan

virtual, menyemak e-mel secara serentak dan membalas maklumat pada telefon pintar mereka.

Keadaan ini boleh mengurangkan bekalan glukosa di dalam otak, menyebabkan mereka berasa letih dan lesu. Ia meningkatkan tahap kortisol (hormon tekanan) dan memberi kesan negatif kepada keupayaan mereka untuk menerima dan menghantar maklumat.

Memandangkan terdapat organisasi mengamalkan peraturan kerja lebih fleksibel dan pendekatan hibrid untuk bekerja, penggunaan peranti digital untuk berhubung tanpa batasan terus diperlukan dan perlu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Namun, penting bagi organisasi membantu pekerja mereka membangunkan tingkah laku dan tabiat digital sihat dan mampan ke arah kesejahteraan mental serta fizikal.

Penyelesaian dua hala perlu dibuat antara majikan dan pekerja untuk meningkatkan produktiviti organisasi. Majikan perlu menghormati sempadan masa, manakala pekerja pula perlu memanfaatkan masa kerja dengan menyelesaikan tugas diberi tepat pada masa.

Kawalan sendiri antara inisiatif boleh dipraktikkan untuk mengurangkan kesan negatif kelesuan digital. Ketagihan pada media sosial juga perlu dikurangkan sekiranya tuntutan kerja memerlukan kebergantungan kepada peranti digital.

Pekerja perlu menghadkan penggunaan peranti digital untuk mendapatkan rehat yang cukup ke arah kesejahteraan mental dan fizikal. Jadikan teknologi digital sebagai manfaat untuk kemudahan semua bukan sebagai sumpahan menekan individu dalam organisasi.